



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA MINGGUAN
YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
5 JUN 2018

Terdapat empat (4) fokus KPKT yang akan diketengahkan dalam sidang media kali ini iaitu; (1) **Isu Berkenaan Perumahan** (2) **Peningkatan Keberkesanan Khidmat Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia** (3) **Dasar Komuniti Negara** (4) **Pemberdayaan Wanita Dalam Komuniti** :

1. Isu Berkenaan Perumahan:

- a. KPKT sedar bahawa terdapat keperluan yang sangat tinggi untuk menyediakan lebih banyak kediaman untuk golongan B40 & M40 di Malaysia, khususnya bagi kawasan Bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan nilai hartanah yang semakin meningkat.
- b. Perumahan yang dikawal selia oleh KPKT perlu memperincikan kehidupan masyarakat, terutamanya bagi mereka yang telah berkeluarga.
- c. Konsep "**Affordable & Comfortable**" (mampu milik & selesa), ini akan digunapakai untuk memastikan setiap perumahan mampu milik yang dibina adalah selesa, selamat dan mampu dimiliki oleh golongan B40 & M40.



PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- d. Pihak KPKT turut akan mengadakan perbincangan dengan **Kementerian Kewangan Malaysia & Bank Negara** berkenaan memberikan kelonggaran “**credit ratings**”. Ini untuk mengatasi masalah peratusan penolakan pinjaman perumahan yang tinggi. Dikalangan golongan B40 & M40. (Perbincangan selepas Aidilfitri)
 - e. Perlu mengambil kira pendapatan ke-2 & ke-3 isi rumah untuk disekalikan dalam permohonan pinjaman perumahan.
 - f. **Warga Asing**: Pemilik rumah projek perumahan KPKT (PPR & PPRT) yang menyewakan premis mereka diberikan masa **3 bulan** untuk memastikan **premistidaklagidisewaoleh warga asing**. KPKT akan mengambil tindakan pengusiran sekiranya mereka gagal mengosongkan premis dalam tempoh tersebut.
 - g. Memulakan kertas kajian bagi tragedi **Highland Towers 1993** dan kes-kes seumpamanya, ini untuk memastikan pembangunan yang dibuat, terutamanya di kawasan cerun dapat dipantau dengan lebih ketat.
 - h. Mewujudkan jawatankuasa khas untuk *feasibility study* pengambilan tanah dan pembangunan semula rumah yang telah runtuh di kawasan Highland Towers. (Dalam Masa Terdekat)
- 2. Peningkatan Keberkesanan Khidmat Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia.**
- a. Kementerian mahukan khidmat Jabatan Bomba & Penyelamat berada pada tahap yang paling optimum.
 - b. KPKT akan mengkaji semula pelbagai aspek perkhidmatan JBPM termasuk *Standard Operating Procedure (S.O.P)* sedia ada, turut akan diberi perhatian adalah keadaan semasa fasiliti JBPM, termasuk kenderaan, pili bomba dan peralatan menyelamat.
 - c. Selain itu, fokus turut diberikan kepada kebajikan anggota JBPM di seluruh Malaysia terutamanya dari segi pendidikan anak-anak anggota, kebajikan



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

bekas anggota dan balu akan dikaji semula. KPKT turutakan **membincangkan lagi berkenaan isu elaun kritikal** anggota yang akan diselaraskan dengan keadaan ekonomi semasa.

- d. Penjenamaan semula sukarelawan Bomba di peringkat komuniti, supaya masyarakat juga faham dan turut serta dalam membantu JBPM menghadapi situasi bencana.

3. Dasar Komuniti Negara (National Community Policy)

- a. Pembangunan fizikal perlu selari dengan pemberdayaan masyarakat. Oleh itu, pihak kementerian kini sedang merangka Dasar Komuniti Negara yang akan menjadi rujukan dalam isu pembangunan komuniti setempat di seluruh Malaysia.
- b. Kita mahukan masyarakat untuk lebih progresif dan berdaya saing.
- c. Pelan tindakan ini akan turut menyentuh peranan pemaju, pihak berkuasa tempatan, PDRM, JBPM, persatuan penduduk dan masyarakat setempat secara amnya untuk menjana pemberdayaan secara holistik dalam komuniti.

4. Pemberdayaan Wanita Dalam Komuniti

- a. Saya akan berangkat ke Vilnius, Lithuania pada hari ini untuk menghadiri Women Political Leaders Summit. (Himpunan Pemimpin Wanita Dunia)
- b. KPKT akan menerajui pemberdayaan wanita melalui komuniti dengan memperkenalkan Gender Focal Point yang akan pengarusperdanaan kesaksamaan gender dalam kementerian, kerajaan tempatan dan juga masyarakat.
- c. Ini selaras dengan Deklarasi Beijing dan Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang telah ditandatangani



PEJABAT MENTERI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

dipersetujui oleh kerajaan Malaysia sebelum ini. Ini juga selaras dengan tuntutan dari UN Women bagi melaksanakan pemberdayaan wanita dalam masyarakat. (Seperti inisiatif *Women Friendly City*)

- d. Ini akan memberi kesan positif kepada pemberdayaan gender kesan, bukan sahaja dari pelaksanaan dasar, tetapi juga sikap masyarakat semasa.
- e. Usaha kearah pembangunan mampan (sustainable development) ini akan dapat dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. KPKT akan menjadi pembuka jalan kepada pembangunan ini.

YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN

**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
PUTRAJAYA.**